Dagangan:	**Kod Tarif :**
16. FERMENTATION PROMOTING AGENT Trade Name: Micro Compost Jenama: Super Sustain Power (SSP)	3824.90.900

Keterangan :

Barangan yang dinamakan sebagai Micro Compost ini adalah dalam bentuk kepingan berwarna hitam. Ia dibungkus di dalam satu *paper pack* di mana satu *paper pack* ini mempunyai sebanyak 10 keping barangan berkenaan. Sebanyak 10 *paper pack* ini pula akan dimasukkan ke dalam satu casing berukuran 350 mm x 310 mm x 270 mm. Berat kasar *(gross weight)* setiap *casing* adalah 3.3 kg.

Mengikut maklumat yang dibekalkan oleh pengimport barangan dikatakan mengandungi bahan-bahan seperti berikut :

Soil balance of amino acids
Vitamins
Nucleic acid
Corrosive acid
Charcoal (tree origin) : 5 %
Vinegar (tree origin) : 1 %
Bark (tree origin) : 85 %
Sugar : 2 %
Water : 7 %
Microbe (terdiri daripada Bacillus Group, Pseudomonas Group dan Pichia Group) : 5.3 x 10^{11}
Micro nutrients seperti copper, nickel, zinc, chromium, lead, cadmium, arsenic, mercury.

Barangan ini boleh digunakan sebagai *fermentation promoting agent that contains a concentration of nutrients needed to create compost*.

Cara penggunaan bahan ini untuk *create compost* adalah dengan mencampurkannya dengan bahan buangan dan *bark* atau *wood chips*. Contoh : 1.25 m^3 *of chicken excrement* + 1.25 m^3 *of tree bark* + 1 A5 *size sheet of SSP = compost.*

Mesyuarat Panel Penetapan Penjenisan (Ketetapan kastam) memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan mengikut **GIR 1** di bawah kod tarif **3824.90 900** sebagai ***chemical preparation not elsewhere specified or included*** berdasarkan alasan-alasan berikut :-

i. Barangan adalah sejenis *fermentation promoting agent that contains a concentration of nutrients needed to create compost*. Oleh itu, ia belum lagi berbentuk baja. Baja mengikut keterangan di dalam EN muka surat VI-3101-1 adalah seperti berikut :

The heading includes, inter alia :

(1) – (5) ……

(6) Compost consisting of rotted waste vegetable and other matter where decay has been accelerated or controlled by treatment with lime, etc.

ii. Barangan ini merupakan sejenis *preparation*, yang diperbuat daripada bahan utama seperti *bark tree* dan *micro nutrients*. *Preparation* ini dikecualikan daripada *heading* 31.01 berdasarkan liputan di dalam EN 2007 *General Note to Chapter* 31, muka surat VI-31-2 iaitu :

> *This Chapter also* ***excludes micronutrient preparations*** *which are applied to seeds, to foliage or to soil to assist in seed germination and plant growth. They may contain small amounts of the fertilising elements nitrogen, phosphorus and potassium, but not as essential constituents (e.g.,* ***heading 38.24****).*

iii. Barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah *heading* 38.24 berdasarkan keterangan EN muka surat VI-3824-2 seperti berikut .

> ***38.24 -…….; chemical products and preparations of the chemical or allied industries (including those consisting of mixtures of natural products), not elsewhere specified or included*** *(+)****.***
>
> *3824.90 - Other*
>
> *The* ***chemical or other preparations*** *are either mixtures (of which emulsions and dispersions are special forms) or occasionally solutions. Aqueous solutions of the chemical products of* ***Chapter 28*** *or* ***29*** *remain classified within those Chapters, but solutions of these products in solvents other than water are, apart from a few exceptions, excluded there from and accordingly fall to be treated as preparations of this heading.*
>
> *The preparations classified here may be either wholly or partly of chemical products (this is generally the case) or wholly of natural constituents (see, for example, paragraph (23) below).*

Gambar :

Tiada